



MOTAC 360°

EDISI 2: 1 - 15 SEPTEMBER 2024



LAWATAN RASMI TYT CHRISTOPHER LUXON, PERDANA MENTERI NEW ZEALAND KE MALAYSIA

MENARIK DI DALAM

**PROJEK PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH
PERKAMPUNGAN BUDAYA 5**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN KONVENSYEN
USAHAWAN CINA SEDUNIA (WCEC) KE-17 6**

**MAJLIS PERASMIAN "4TH WORLD TOURISM ISLAMIC
CONFERENCE (WITC)" 8**

**SESI RAMAH MESRA BERSAMA PENCERAMAH DAN
MODERATOR "4TH WORLD ISLAMIC TOURISM
CONFERENCE" 9**

**FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA@KUALA LUMPUR
2024 11**

**YB MINISTER ATTENDS THE 75TH ANNIVERSARY
CELEBRATION OF THE FOUNDING OF THE PEOPLE'S
REPUBLIC OF CHINA 12**



LAWATAN RASMI TYT CHRISTOPHER LUXON, PERDANA MENTERI NEW ZEALAND KE MALAYSIA



2 SEPTEMBER 2024 - Sekitar Istiadat Sambutan Lawatan Rasmi TYT Christopher Luxon, Perdana Menteri New Zealand ke Malaysia yang turut dihadiri oleh YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya

SELAMAT HARI LAHIR YB DATO SRI TIONG KING SING, MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



3 SEPTEMBER 2024 - Barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah bersama-sama meraikan sambutan hari lahir YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Warga MOTAC turut mengucapkan Selamat Hari Lahir kepada YB Menteri MOTAC.

KUNJUNGAN HORMAT YAB MENTERI BESAR PERLIS KE ATAS YB MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



2 SEPTEMBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menerima kunjungan hormat daripada YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur hari ini. Kunjungan hormat tersebut turut dihadiri oleh YB Puan Wan Badariah binti Wan Saad, Exco Kemajuan Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Perlis.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA-KETUA PERWAKILAN DIPLOMATIK MALAYSIA BAHARU



5 SEPTEMBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menerima kunjungan hormat daripada seramai tujuh (7) Bakal Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia baharu di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Ketua-ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia tersebut akan ditempatkan ke Mesir, Brunei Darussalam, Sweden, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Peru dan Bangladesh. Antara perkara yang dibincangkan semasa sesi pertemuan berkenaan adalah inisiatif yang boleh diambil oleh MOTAC dan Pejabat Perwakilan dalam usaha merancang lagi promosi pelancongan dan kebudayaan Malaysia. Turut hadir, YBrs. Dr. Yasmeeen binti Yasim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan) dan pegawai-pegawai kanan MOTAC.

YB MINISTER OFFICIATED THE CLASSICAL ART AND MUSIC EXHIBITION: THE IMMERSIVE JOURNEY: ART AND SYMPHONY



5 SEPTEMBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture, inaugurated the "Classical Art and Music Exhibition: The Immersive Journey: Art and Symphony" at Fahrenheit, Kuala Lumpur. Organized by Frame Motion Studio, the exhibition blends classical arts and music from Van Gogh, Mozart and other renowned figures.

It has been recognized by the Malaysia Book of Records as Malaysia's First Immersive Classical Art & Music Exhibition. The Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) remains dedicated to advancing and supporting the local arts industry in line with Malaysia MADANI's vision.

FORUM ON CULTURAL HERITAGE CONSERVATION

5 SEPTEMBER 2024 - China Daily, in collaboration with Asia News Network and KSI Strategic Institute for Asia Pacific jointly organised a forum themed 'Shared Heritage, Shared Future' in Hilton Petaling Jaya Hotel, Selangor. On behalf of YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts and Culture Malaysia, Dr. Christina Yeo, Undersecretary of International Relations in Culture, delivered a keynote address, sharing insights and perspectives on the sustainable cultural development between China and Malaysia, as well as other countries in this region.



The forum convened 150 government officials, senior executives, business leaders and media heads from across Asia to explore collaboration between China and Asia in areas such as environmental protection, sustainable economic development and cultural heritage preservation. A panel discussion on 'Transnational Cooperation for the Conservation of Shared Cultural Landscapes in Asia' attended by experts in the field from all over Asia was held in conjunction with the forum. Amongst the special guests who attended the forum include Mr Qu Yingpu, Publisher and Editor-in-Chief, China Daily; Mr Mahfuz Anam, Chairman of Asia News Network, Editor and publisher, The Daily Star; Tan Sri Michael Yeoh, President of KSI Strategic Institute for Asia Pacific; Datuk Seri Wong Chun Wai, Chairman of Bernama; and Ms Chang Shan, Cultural Counselor from the Embassy of the People's Republic of China in Malaysia.





MAJLIS PERAYAAN PESTA KUIH BULAN MALAYSIA CHINESE ASSEMBLY HALL (MCAH) (MID-AUTUMN FESTIVAL)



7 SEPTEMBER 2024 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah merasmikan Majlis Perayaan Pesta Kueh Bulan Malaysia 2024 yang berlangsung di Jalan Petaling, Kuala Lumpur. Program anjuran Dewan Perhimpunan Cina Malaysia (MCAH) ini bertujuan mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI khususnya di kawasan Lembah Klang. Sambutan perayaan kueh bulan pada tahun ini turut dimeriahkan dengan pelbagai persembahan menarik seperti tarian singa, tarian naga dan pertunjukan bunga api. Jalan Petaling merupakan lokasi bersejarah di Kuala Lumpur yang sentiasa menjadi tumpuan orang ramai termasuk dalam kalangan pelancong asing. Terdapat pelbagai barangan produk tempatan yang dijual di sini yang melambangkan kepelbagaian budaya di Malaysia.

YB Dato Sri Tiong King Sing dalam ucapannya menekankan pentingnya memastikan faktor kebersihan dan keselamatan sekitar dijaga serta penglibatan para peniaga dalam usaha mempromosikan Jalan Petaling sebagai destinasi pelancongan menjadi keutamaan. Hasil sokongan Kerajaan bersama pelbagai pihak lain, Jalan Petaling kini sedang melalui fasa pemulihan bagi mengembalikan semula kegemilangannya, selaras dengan perancangan menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM 2026). MOTAC sentiasa komited dalam memainkan peranan membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi dalam bidang pelancongan dan budaya yang pastinya akan bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia.

GENTING “SUSTAINZ FOOD AND BEVERAGES EXPO” LAUNCHED



10 SEPTEMBER 2024 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, the Deputy Minister of Tourism, Arts and Culture, launched the first-ever Genting Sustainz Food and Beverages Expo at the Genting International Convention Centre. The event, organised by Resorts World Genting, aims to strengthen Malaysia's position as a global hub for trade and the MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions) industry. In his speech, YB Khairul Firdaus highlighted the importance of the MICE sector in driving economic growth by creating jobs and opening business opportunities. He emphasised the Ministry's commitment to promoting Malaysia as a premier destination for business and innovation. Key officials attended the event, including Mr. Lee Thiam Kit, President of Resorts World Genting and other representatives from MOTAC and Resorts World Genting.

BICARA WARISAN:
Kenali BADAN BUKAN KERAJAAN BERTAULIAH UNESCO (ACCREDITED NGO)

Semua Dijemput Hadir!

20 SEPTEMBER 2024 JUMAAT 11.30 PAGI

MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI ERUS SETIA 011-7663 894 (Maxline) 011-8561 122 (Makliah) | Imbas di sini untuk pendaftaran

Festival Budaya Putrajaya 2024
20-22 SEPTEMBER 2024 9.00 PAGI - 11.00 MALAM DATARAN PUTRAJAYA PRESENT 3, PUTRAJAYA

Jom! SARAPAN DAN SANTAI

WAJIB BERBUSANA TRADISIONAL KAJANG MERANGI CINTA BERSAMA TRADISIONAL TUSKATRI.

PERCUMA Nasi Lemak, Roti Canai & Teh Tarik

Semua Dijemput Hadir!

21 SEPTEMBER 2024 DATARAN PUTRAJAYA, SABTU 8.30 PAGI, PRESENT 3, PUTRAJAYA

MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI ERUS SETIA 011-7663 894 (Maxline) 011-8561 122 (Makliah) | Imbas di sini untuk pendaftaran

Festival Budaya Putrajaya 2024
20-22 SEPTEMBER 2024 9.00 PAGI - 11.00 MALAM DATARAN PUTRAJAYA PRESENT 3, PUTRAJAYA



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH PERKAMPUNGAN BUDAYA TERACHI, KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN



10 SEPTEMBER 2024 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Penyelenggaraan dan Baik Pulih Perkampungan Budaya Terachi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang telah berjaya disiapkan pada 28 Jun 2024 oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Pilah sebagai Agensi Pelaksana dan Bina Perkasa NS sebagai kontraktor. MOTAC merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini yang akan menjadi pemangkin kepada peningkatan jumlah pelancong domestik dan antarabangsa ke Perkampungan Budaya Terachi serta Negeri Sembilan secara keseluruhannya.



Projek ini selaras dengan Teras Keempat Dasar Kebudayaan Negara 2021 yang menekankan Pembangunan dan Pengembangan Budaya. Kerajaan sentiasa berusaha memastikan bahawa infrastruktur pelancongan, kebudayaan dan warisan negara sentiasa dalam keadaan baik, selamat dan selesa untuk digunakan oleh para pelancong. Penyediaan prasarana dan fasiliti kebudayaan yang kondusif dan praktikal bukan sahaja membantu

ekosistem kebudayaan yang sedia ada malah turut memberi peluang kepada penggiat sektor ini dalam menyemarakkan identiti Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan warisan. Turut hadir dalam majlis penyerahan ini ialah YBhg. Dato' Muhamad Nahar bin Haji Mohd Sidek, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Sembilan merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, YBrs. Ir. Wan Hasnan bin Wan Musa, Pengarah JKR Negeri Sembilan, YBrs. Encik Mohd Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Prasarana MOTAC, YBrs. Puan Razmona binti Abdul Razak, Pengurus Besar Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri Sembilan dan wakil-wakil jabatan yang terlibat.


MAJLIS PERASMIAN “THE CONFERENCE ON THE PROPOSED ASEAN-CHINA HERITAGE DIMENSIONS OF NATIONAL ARTS (DNA) INITIATIVE”

9 SEPTEMBER 2024 2024 - Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis telah berkenan berangkat dan menyempurnakan majlis perasmian “The Conference on The Proposed ASEAN-China Heritage Dimensions of National Arts (DNA) Initiative” yang berlangsung di Hotel Seri Malaysia Kangar, Perlis.



Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan dengan kerjasama Persatuan Kreatif Simfoni (SCS) menganjurkan program selama tujuh hari ini bagi meraikan 50 tahun hubungan diplomatik Malaysia-China dengan menampilkan pelbagai aktiviti dan acara seni, budaya warisan, termasuk forum antarabangsa, perbincangan panel dan peserta, pengalaman budaya kreatif serta lawatan budaya yang akan melibatkan penyertaan pengamal budaya dan industri kreatif dari negara anggota ASEAN dan China.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli, Menteri Besar Perlis, YBhg. Dato' Shahaaruddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri Perlis.





DISCUSSION ON PARTNERSHIP TO INCREASE FLIGHT FREQUENCY AND SEAT CAPACITY BETWEEN MALAYSIA AND SAUDI ARABIA TO SUPPORT MALAYSIA'S VISION TO BE AN UMRAH HUB IN ASIA



11 SEPTEMBER 2024 - The Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC) convened a formal meeting with Saudia Airlines and Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). The session was presided over by YB Khairul Firdaus Akbar Khan, the Deputy Minister of Tourism, Arts and Culture. The purpose of this visit is to promote cooperation between both sides in tourism resource development and information sharing and promote the development of both sides in the cultural and tourism industry. The primary focus of the discussions was to enhance flight frequency and seat capacity between Malaysia and Saudi Arabia.

This collaboration aims to cater to the growing demand for travel, particularly for Umrah pilgrims, while also strengthening tourism ties between both nations. This initiative aligns with Malaysia's vision to make Malaysia a major transit hub for Umrah travelers from Southeast Asia, China and Oceania offering seamless connectivity and comprehensive services for Muslim travelers. Also attended the meeting, YBrs. Dr. Yasmeen binti Yasim, Deputy Secretary General (Tourism), MOTAC; YBhg. Datuk Manoharan Periasamy, Director General of Tourism Malaysia; and YBrs. Encik Nizran bin Noordin, Director General of Islamic Tourism Centre.

KETUA SETIAUSAHA MOTAC PANTAU PERKEMBANGAN PROJEK PEMULIHARAAN MUZIUM DIRAJA ISTANA LAMA SERI MENANTI



11 SEPTEMBER 2024 - Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman telah melaksanakan lawatan kerja ke Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan, sejurus selepas beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Penyelenggaraan dan Baik Pulih Perkampungan Budaya Terachi di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Lawatan ini bertujuan meninjau secara langsung status perkembangan projek pulihara dan naik taraf yang sedang dijalankan di Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti. Projek ini merupakan salah satu inisiatif penting di bawah Dasar Kebudayaan Negara 2021 (DAKEN) yang bertujuan memastikan warisan dan budaya negara terus dipelihara dan dipromosikan.

YBhg. Datuk Wira Roslan turut mengambil kesempatan ini untuk berbincang dengan pihak pelaksana projek dan memastikan bahawa semua kerja-kerja penyelenggaraan serta baik pulih dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Beliau menegaskan bahawa pemuliharaan muzium yang merupakan lambang sejarah dan warisan negara adalah penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan budaya di Negeri Sembilan serta memastikan warisan ini dapat dinikmati oleh generasi akan datang.





MAJLIS PERASMIAN “4TH WORLD TOURISM ISLAMIC CONFERENCE (WITC)”

12 SEPTEMBER 2024 - YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan telah merasmikan “4th World Islamic Tourism Conference (WITC)” anjuran Islamic Tourism Centre di Sunway Resort Hotel, Selangor hari ini. Beliau turut menyampaikan ucapan di hadapan lebih 400 pemimpin pemikir industri pelancongan dari dalam dan luar negara yang menekankan amalan lestari berdasarkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang diperkenalkan oleh United Nations (UN) dan prinsip bersifat universal Maqasid Shariah.

WITC yang telah berlangsung pada 12 dan 13 September 2024 membawa tema “Forging Connections”, meraikan ikatan strategik antara penggiat industri, merentasi sempadan industri dan negara untuk kelestarian pembangunan pelancongan dan hospitaliti Mesra-Muslim serta ekonomi sejagat.



PERPUSTAKAAN KOLEKSI BUKU PINJAMAN BERKELOMPOK, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Minat membaca tetapi kurang bahan bacaan? *Dom ke Perpustakaan MOTAC!*

Perpustakaan MOTAC kini telah menambahkan koleksi sebanyak 364 buah naskhah melalui Perkhidmatan Pinjaman Buku Berkelompok, Perpustakaan Negara Malaysia.

Warga kerja MOTAC adalah ditela-ahkan untuk membuat pinjaman buku di Perpustakaan MOTAC

364 naskhah buku merangkumi:

- Buku Pengetahuan Am
- Buku Sains Masyarakat
- Buku Agama
- Buku Konek-konak
- Buku Fison & lain-lain lagi

DIMANA? PERPUSTAKAAN MOTAC, ARAS 1

PILIH, BACA & PINJAM

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:
03-8997105 / 7104
(PN AKMAL FARHDIANA / PN ZAWATI ISRAHIM)

PAVILION KRAFTANGAN MALAYSIA

SEMPENA SAMBUTAN 100 TAHUN MAHA MAHA 2024

10-22 Sept. 2024 | 10 Pagi/A.M - 10 Malam/P.M | MAEPS, Serdang

AKTIVITI Activities

- JUALAN KRAF Craft Sales
- INTERAKTIF KRAF Craft Interactive
- PERSEBAHAN KESENIAN Cultural Performances
- PAMERAN RUMAH TRADISIONAL MELAYU & GAZEBO Malay Traditional House & Gazebo Exhibition
- AKTIVITI TARIKAN PENGUNJUNG Visitor Activities

SEMUA DIJEMPUT HADIR ALL ARE INVITED

JKKN SEMARAKKAN SENI BUDAYA SEPTEMBER 2024

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

- FESTIVAL SELANGOR @BATU LAUT**
6 - 8 SEPTEMBER 2024
Dataran Persekitaran Batu Laut, Tanjung Sepat, Kuala Langkat, Selangor
- FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA @KUALA LUMPUR**
13 - 16 SEPTEMBER 2024
Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- PELANCARAN SENAM SENI**
15 SEPTEMBER 2024
Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- TEMASYA OGHANG KEDAH**
26 - 29 SEPTEMBER 2024
Perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah
- FESTIVAL CAKLEMPONG**
27 - 29 SEPTEMBER 2024
GEMBOX @MALI: Perkarangan Pusat Bandar, Bandar Baru Hillside, Negeri Sembilan

03-2614 8200 | www.jkkn.gov.my



SESI RAMAH MESRA BERSAMA PENCERAMAH DAN MODERATOR "4TH WORLD ISLAMIC TOURISM CONFERENCE"



12 SEPTEMBER 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya beramah mesra bersama penceramah dan moderator "4th World Islamic Tourism Conference" yang telah diadakan di Menara Kuala Lumpur. Sesi ini merupakan sesi khas untuk para penceramah dan moderator persidangan WITC yang berlangsung pada 12 dan 13 September 2024 di Hotel Sunway Resort. Penganjuran WITC yang bertemakan "Forging Connections" telah berjaya menarik penglibatan seramai 400 pemimpin pemikir dari dalam dan luar negara. Turut hadir bersama YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), YBrs. Encik Nizran bin Noordin, Ketua Pengarah ITC serta pegawai-pegawai kanan MOTAC dan ITC.

TEMU BUAL KSU MOTAC BERSAMA AL JAZEERA MEDIA NETWORK

10 SEPTEMBER 2024 - Satu sesi temubual oleh Al Jazeera Media Network telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengiklanan & Digital, Tourism Malaysia Corporate pada 10 September 2024 (Selasa) bersama YBhg. Dato' Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) di MOTAC, Putrajaya. Rakaman Temubual ini akan disiarkan di saluran Al Jazeera Mubasher dalam masa terdekat bagi pasaran Timur Tengah dan global.



KARNIVAL KOMPLEKS KRAF
Craft Complex Carnival
28 - 29 Sept 2024
9.00 pagi/9am - 6.00 petang/6pm
Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Jalan Conlay

AKTIVITI Activities

- JUALAN KRAF Craft Sales
- PAMERAN KRAF Craft Exhibitions
- DEMONSTRASI KRAF Craft Demonstrations
- INTERAKTIF KRAF Craft Interactive
- PERSEMBAHAN KESENIAN Stage Performances
- AKTIVITI GALAKAN PENGUNJUNG Visitor Activities
- FOOD TRUCK
- LAWATAN BERPANDU BERKUMPULAN Group Guided Tour

Semua dijemput hadir! All are Invited!

Perkongsian Doa & Amalan
© MOTAC BIL. 6/2024

DOA MEMOHON SIFAT TAKWA

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْهُدَى
وَالْقَنَى وَالْمَعَادَى وَالنَّجَى

Maksud: "Wahai Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk, sifat takwa, sifat *ifrah* (terhindar dari perbuatan yang tidak baik) dan sifat berasa cukup."
Hadith Riwayat Muslim (2721)





KSU MOTAC ADAKAN LAWATAN KERJA KE PROJEK PPUN BUKIT TAWAU, SABAH



13 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan lawatan kerja ke Taman Bukit Tawau, Tawau, Sabah bagi pemantauan projek penyelenggaraan Kerja-kerja Pemuliharaan, Pemeliharaan, Ubah Suai dan Naik taraf (PPUN) yang diluluskan pada tahun 2021. Projek tersebut termasuk penambahbaikan laluan pejalan kaki ke air terjun dan pembaikan "Viewing Platform" air terjun Table, Taman Bukit Tawau. Lawatan tersebut turut disertai oleh YBrs. Puan Mary Isidore Malangking, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah (KePKAS), YBrs. Encik Mohd Khairul bin Kassim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Prasarana, MOTAC, Puan Rozalinawati Binti Che Roslee, Timbalan Pengarah Bahagian Industri Perkhidmatan Kementerian Ekonomi dan Encik Ibrahim bin Othman, Pengarah MOTAC Sabah.

Semasa lawatan tersebut, delegasi MOTAC turut diberi taklimat oleh Encik Abdul Momin Jadil, Pengurus Taman Bukit Tawau berkenaan pengurusan dan pengoperasian taman tersebut. Taman Bukit Tawau setiap tahun secara purata menyambut kedatangan seramai 79,000 orang pengunjung. MOTAC yakin dengan penambahbaikan kemudahan fasiliti di Taman Bukit Tawau akan menarik lebih ramai penggemar ekopelancongan untuk melawati Taman Bukit Tawau yang kaya dengan flora dan fauna.

SESI PERSIDANGAN ANTARABANGSA "WEAVING FUTURES SKILLS FOR NEXT GENERATION CRAFTMENS CONFERENCE" SEMPENA PROGRAM THE CONFERENCE ON THE PROPOSED ASEAN-CHINA HERITAGE DIMENSIONS OF NATIONAL ARTS (D.N.A) INITIATIVE



10 SEPTEMBER 2024 - Telah berlangsung sesi persidangan antarabangsa "Weaving Futures Skills For Next Generation Craftmens Conference" anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan Kerjasama Pertubuhan Kreatif Simfoni (SCS). Persidangan melibatkan seramai 19 orang speaker dari 7 buah negara ASEAN iaitu Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapore, Thailand dan negara rakan dialog iaitu Republik Rakyat China di Grand Ballroom, Hotel Seri Malaysia. Persidangan ini adalah platform perbincangan dalam kalangan profesional seni kerjaya dan peniaga seni untuk membincangkan idea dan inisiatif kemampunan karya seni dan warisan tenunan dalam dimensi seni kebangsaan dengan kemajuan teknologi hijau.

Panel persidangan antarabangsa ini terdiri daripada Prof. Mrs. Wang Yueping (Professor, Institut Teknologi Fesyen, Beijing), Dr. Asrul Asshadi Mohamad Morni, (Pensyarah Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak), Dr. Mohd Khairun Anwar Uyup, Pegawai Penyelidik, Unit Buluh, Rotan Dan Palma (FRIM) dan Encik Khairul Anwar, Penyelidik Bersekutu Lembaga Muzium Negeri Terengganu.



FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA@KUALA LUMPUR 2024


15 SEPTEMBER 2024 - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mewakili YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bagi merasmikan Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2024 bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Festival Permainan Malaysia@Kuala Lumpur 2024 yang bermula 13 hingga 16 September ini adalah merupakan kerjasama strategik di antara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKN WPKL) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Persatuan Sukan Tradisional Malaysia.

Dalam ucapan perasmian menyatakan sehingga 2022, terdapat 28 jenis permainan tradisional masyarakat Malaysia telah diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) melalui Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan.

Penganjuran festival yang memasuki tahun ke sembilan (9) sejak 2015 ini, melibatkan penyertaan seramai 2,378 peserta dari tiga (3) kategori iaitu Badan Beruniform, Sektor Korporat dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang akan bertanding dalam pertandingan permainan tradisional. Pelbagai aktiviti dan pengisian menarik menanti pengunjung pada festival permainan kali ini seperti pertandingan permainan tradisional, permainan interaktif, ruai pameran dan demonstrasi, persembahan dan gerai jualan.

Majlis Pelancaran Senam Seni 2.0 turut melibatkan kehadiran artis dan selebriti terkenal seperti Izzue Islam, Mimi Fly, Kevin Zahri dan Nur Dhabitah Sabri.

Turut hadir ke Majlis Pelancaran ini, YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah JKKN, YBhg. Datin Che Rokiah binti Mahmod Timbalan Pengerusi I PUSPANITA Cawangan MOTAC, Encik Ismadi bin Sakirin, Pengarah Eksekutif Sosio Ekonomi DBKL merangkap wakil Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Encik Mohd Radzuan bin Abu Samah, Pengerusi Persatuan Sukan Tradisional Malaysia.





YB MINISTER ATTENDS THE 75TH ANNIVERSARY CELEBRATION OF THE FOUNDING OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA



13 SEPTEMBER 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Minister of Tourism, Arts, and Culture, attended the 75th Anniversary Celebration of the Founding of the People's Republic of China at Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur. Malaysia and China are celebrating the 50th year of diplomatic relations this year, where the relationship between the two countries has been close and further strengthened through strategic comprehensive cooperations. The Ministry of Tourism, Arts, and Culture (MOTAC), under the leadership of YB Dato Sri Tiong King Sing, has also strengthened Malaysia-China relations by bringing in more tourists from the Great Wall nation.

This boosts the country's tourism industry and generates economic growth in preparation for Visit Malaysia Year 2026 (VM2026). Also in attendance were H.E Ouyang Yujing, Ambassador of China to Malaysia; YB Tuan Anthony Loke Siew Fook, Minister of Transport; YB Senator Dato' Seri Setia Dr. Haji Na'im bin Haji Mokhtar, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs); YB Puan Hannah Yeoh, Minister of Youth and Sports; and YB Tuan Steven Sim Chee Keong, Minister of Human Resources.



PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

“MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA”



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA

f @ X d m y m o t a c | www.motac.gov.my

